

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	GAMBAR: Pelancaran Metaltech	New Straits Times
2	Sedia hadapi El Nino	Berita Harian
3	Cuaca diramal baik di Teluk Intan hari ini	Utusan Malaysia
4	Empat gempa bumi tidak memberi kesan kepada negara	Bernama.com
5	PRK Teluk Intan: Jabatan Meteorologi ramal hujan pada sebelah petang	Bernama.com
6	PRK Teluk Intan: 35 pusat pengundian dibuka 8 pagi ini	Bernama.com
7	MBC sedia bantu Jakim	Utusan Malaysia
8	Denda RM1 juta peniaga jual makanan disahkan haram	Utusan Malaysia
9	Keputusan analisis coklat Jabatan Kimia diketahui rabu	Bernama.com
10	Hasan Malek minta peniaga henti penjualan dua produk Cadbury sehingga rabu	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS TIMES) : MUKA SURAT B16
TARIKH: 31MEI 2014 (SABTU)



INNOVATION: Sirim Bhd vice-president of Research and Technology Innovation Division **Dr Mohamad Jamil Sulaiman** (left) and deputy secretary-general of Science, Technology and Innovation Ministry **Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya** watching a demonstration of the Sirim-developed multi-orientation precision micro-grinding machine in Kuala Lumpur, recently.

Sedia hadapi El Nino

» MetMalaysia jangka musim kemarau bermula bulan depan

Oleh Mohd Azone Sarabatin
azrone@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kebangkalian fenomena El Nino yang mengakibatkan peningkatan suhu dan kemarau panjang, melanda rantau Asia Tenggara mulai bulan depan kekal pada tahap 70 peratus.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, berkata fenomena pemanasan suhu permukaan laut sehingga menyebabkan berlaku musim kering yang teruk dijangka berlaku mulai bulan depan hingga Ogos.

"Kita sudah bersedia menghadapi El Nino berikutan kebarangkalian untuk berlakunya fenomena itu kekal pada tahap 70 peratus," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Pada 23 Mei lalu, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dilaporkan berkata, jawatankuasa peringkat kebangsaan untuk menghadapi El Nino sudah ditubuhkan, yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Jawatankuasa yang dianggotai 10 menteri serta wakil kerajaan negeri akan mencari langkah berkesan menangani kesan El Nino.

bahan Meteorologi Sedunia (WMO) dan maklumat itu disalurkan kepada agensi berkaitan, termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Sama ada fenomena El Nino berlaku atau sebaliknya, kita perlu bersedia menghadapinya. Ini kerana tempoh antara bulan Jun hingga September adalah musim kering di negara ini. Lagipun jumlah air di beberapa empangan belum mencapai 50 peratus," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakan, berkata pihaknya bimbang taburan hujan yang rendah pada monsun peralihan antara April hingga Mei adalah petunjuk berlakunya fenomena itu di negara ini.

Katanya, kebiasaannya taburan hujan pada musim itu adalah tinggi, sekali gus dikhawatir mengganggu Monsun Barat Daya yang berlaku pada Jun hingga September.

"Jangkaan berlakunya fenomena El Nino di negara ini bergantung pada cuaca tempatan. Satu lagi monsun peralihan adalah pada September hingga Oktober, disusuli Monsun Timur Laut pada November hingga Mac yang biasanya menyebabkan banjir di pantai timur," katanya.

Ramalan landa Asia Tenggara

Sebelum ini, Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom meramalkan fenomena cuaca itu akan melanda rantau Asia Tenggara, pertengahan tahun ini. Pakar menekankan negera ini boleh dilanda kemarau selama enam bulan jika El Nino benar-benar melanda. El Nino secara purata berlaku antara dua atau empat tahun sekali meliputi kawasan timur Lautan Pasifik.

Mengenai persiapan menghadapi El Nino, Che Gayah berkata, MetMalaysia akan meneruskan pemberian awan yang bergantung pada keadaan atmosfera iaitu pembentukan awan yang sesuai.

Beliau, pihaknya juga melakukan pemantauan cuaca berterusan, termasuk menerusi kerjasama Pertu-

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)

Cuaca diramal baik di Teluk Intan hari ini

TELUK INTAN 30 Mei - Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca baik pada sebelah pagi di Teluk Intan, esok.

Bagaimanapun, laman web rasmi jabatan itu memberitahu, cuaca sebelah petang diramal berlaku hujan sementara.

“Pada sebelah malam pula diramal tiada hujan. Suhu di Teluk Intan pula esok diramalkan antara 24 dan 33 darjah celsius,” kata laporan laman web tersebut hari ini.

Esok, Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) Datuk Mah Siew Keong dan calon DAP, Dyana Sofya Mohd. Daud.

Seramai 59,927 pengundi biasa akan menunaikan hak mereka di 35 pusat pengundian membabitkan 120 saluran yang dibuka mulai pukul 8 pagi hingga 5 petang.

Mengikut Daftar Pemilih Parlimen Teluk Intan yang dikemaskini sehingga 1 Mei lalu, seramai 60,349 pengundi termasuk 410 pengundi awal dan 12 pengundi tidak hadir luar negara layak mengundi.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)**



Empat Gempa Bumi Jumaat Tidak Memberi Kesan Kepada Negara

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang dengan kejadian empat gempa bumi yang dilaporkan semalam, kata [Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail.](#)

Katanya, kesemua gempa yang direkod semalam dan dilaporkan oleh jabatan itu tidak akan memberi kesan kepada negara kerana pergerakan gempa yang direkod, berada jauh dari Malaysia.

"Rekod gempa bumi yang kami terima memang banyak berlaku di seluruh dunia, ia bukan suatu yang luar biasa, dan gempa bumi yang direkodkan semalam adalah terlalu jauh dari Malaysia, oleh itu rakyat Malaysia tidak perlu bimbang," katanya kepada Bernama di sini Sabtu.

Pada Jumaat Jabatan Meteorologi melaporkan empat gempa sederhana direkodkan di empat kawasan berlainan dan kesemua gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

Gempa yang pertama berlaku di Flores Region, Indonesia pada pukul 8.56 pagi berukuran 5.2 skala Richter, disusuli sempadan Myanmar-China pada 9.20 pagi (5.6 skala Richter), manakala Volcano Islands, Japan Region pada pukul 7.38 malam (5.0 skala Richter) dan Mindanao, Filipina pada 11.26 malam (5.3 skala Richter).

Che Gayah, dalam pada itu berkata, pihaknya akan terus memantau pergerakan gempa bumi dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)



PRK Teluk Intan: Jabatan Meteorologi Ramal Hujan Pada Sebelah Petang

TELUK INTAN, 30 Mei (Bernama) -- Cuaca di Teluk Intan pada hari pengundian pilihan raya kecil (PRK) parlimen itu esok diramal baik pada sebelah pagi.

Bagaimanapun menurut laman sesawang [**Jabatan Meteorologi Malaysia**](#), hujan dijangka turun pada sebelah petang.

PRK kerusi Parlimen Teluk Intan menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) Datuk Mah Siew Keong dan calon DAP Dyana Sofya Mohd Daud.

Sebanyak 59,927 pengundi akan menunaikan hak mereka di 35 pusat pengundian yang dibuka mulai 8 pagi hingga 5 petang esok.

Pengundian awal untuk 410 pengundi telah diadakan pada Selasa lepas.

Sebanyak 60,349 pengundi termasuk 410 pengundi awal dan 12 pengundi Tidak Hadir Luar negara, layak mengundi pada PRK ini.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)**



PRK Teluk Intan: 35 Pusat Pengundian Dibuka 8 Pagi Ini

TELUK INTAN, 31 Mei (Bernama) -- Sebanyak 35 pusat mengundi bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan dibuka mulai 8 pagi Sabtu bagi membolehkan 59,927 pengundi menunaikan tanggungjawab mereka.

Parlimen Teluk Intan meliputi dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Pasir Bedamar dan Changkat Jong.

Semua pusat mengundi akan ditutup 5 petang ini, kecuali pusat mengundi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Sungai Timah yang akan ditutup pada pukul 4 petang kerana mempunyai sedikit pengundi.

Penjumlahan undi dijangka bermula sebaik pusat mengundi ditutup dan akan dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib di Jalan Changkat Jong, di sini.

Pada pengundian awal 27 Mei lepas, sebanyak 95.61 peratus atau 392 daripada 410 pengundi keluar mengundi.

Pada Jumaat, Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Perak Ahmad Adli Abdullah berkata SPR menyasarkan peratusan keluar mengundi mampu mencecah 80 peratus, sama seperti peratusan keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

Beliau juga menjangkakan keputusan PRK Parlimen Teluk Intan dapat diumumkan seawal pukul 9 malam.

Sementara itu, cuaca di Teluk Intan cerah di sebelah pagi, dan diramalkan hujan sebelah petang, menurut laman sesawang **Jabatan Meteorologi Malaysia**.

PRK ini menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional Datuk Mah Siew Keong dan calon DAP Dyana Sofya Mohd Daud.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandang kerusi Parlimen itu, Seah Leong Peng, 48, daripada DAP akibat kanser pada 1 Mei lepas.

Pada PRU Mei 2013, Seah menang dengan majoriti undi 7,313 dalam pertandingan tiga penjuru.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)

MBC sedia bantu Jakim

MELAKA 30 Mei - Melaka Biotechnology Corporation (MBC) sedia menawarkan kepakaran kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam menjalankan penyelidikan terhadap produk yang diragui status halal.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Badrul Hisham Badruddin berkata, MBC yang mendapat akreditasi daripada **Jabatan Standard Malaysia** mempunyai kelengkapan makmal mencukupi bagi menjalankan ujian dan penyelidikan halal.

"MBC sedia menghulurkan bantuan kepada Jakim bagi menjalankan kajian terhadap produk di pasaran bagi mengeсан kemungkinan terdapat pencemaran DNA *porcine* dalam tempoh singkat.

"Usaha ini juga dapat memastikan pemantauan secara lebih menyeluruh dan berkesan dapat dilakukan dan tidak hanya perlu bergantung kepada makmal rasmi pihak Jakim iaitu Jabatan Kimia sahaja," katanya dalam sidang akhbar di pejabat MBC, Ayer Keroh di sini hari ini.

Beliau berkata, selain produk yang telah berada di pasaran, MBC juga bersedia menjalankan penyelidikan terhadap sampel produk makanan bagi tujuan penjijilan halal sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan Jakim terhadap ujian Jabatan Kimia semata-mata.

Badrul berkata, makmal MBC antaranya Makmal Kimia dan Teknologi Makanan, Makmal Mikrobiologi serta Makmal Halal dan Biologi Molekul telah mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 oleh Jabatan Standard Malaysia.

"Dengan adanya akreditasi ini, keputusan yang dikeluarkan boleh dipercayai, tepat dan boleh digunakan bagi tujuan pendaftaran di Malaysia mahupun dieksport ke luar negara," katanya.

Tambah beliau, bagi ujian mengesan DNA *porcine*, MBC menggunakan pakai kaedah reaksi rantai polymerase (Polymerase Chain Reaction - PCR) yang memberikan tujuh langkah sebelum keputusan diperoleh dalam masa tujuh hari.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)**

Denda RM1 juta peniaga jual makanan disahkan haram



HASAN MALEK

KUALA LUMPUR 30 Mei - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan mengenakan denda maksimum sehingga RM1 juta kepada peniaga yang menjual makanan yang telah disahkan haram oleh Jakim.

Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek berkata, pihaknya boleh mengenakan denda paling tinggi di bawah

Akta Perihal Dagangan 2011 jika barang makanan yang telah disahkan haram oleh Jakim masih dijual di pasaran.

"Jika sudah ada kesahihan yang diluarkan Jakim apabila mereka menarik balik logo halal barang makanan itu, tetapi peniaga masih menjual barang itu, maka kita dibenarkan untuk mengambil tindakan di bawah akta berkenaan.

"Bagaimanapun, perkara tersebut

bergantung kepada keputusan ujian oleh Jabatan Kimia sama ada makanan itu mengandungi DNA babi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam Majlis Perasmian dan Makan Malam Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Ke-30 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Yang turut hadir Presiden

Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Sementara itu, mengulas mengenai produk Cadbury yang mengandungi DNA babi, Hasan berkata, sehingga hari ini, sebanyak 175 premis perniagaan yang diperiksa oleh agensi di bawah kementerian dan mendapati tidak ada premis perniagaan yang menjual produk makanan itu.

Dalam pada itu, Hasan memberita-

hu, kementerian juga menggalakkan lebih banyak koperasi untuk membentur bidang makanan coklat bagi memberi saingan yang lebih luas kepada jenama lain di pasaran.

"Kita sudah memberi peluang kepada mereka untuk membuat pinjaman dan juga sudah ada peruntukan disediakan untuk membantu koperasi dalam bidang ini," jelasnya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)



Keputusan Analisis Coklat Jabatan Kimia Diketahui Rabu

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Keputusan analisis **Jabatan Kimia** terhadap sampel coklat Cadbury, yang didakwa mengandungi Asid Deoksiribonukliek (DNA) khinzir dalam ujian makmal Kementerian Kesihatan, akan diketahui pada Rabu, kata Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Datuk Othman Mustapha.

"Kami (Jakim) perlu siasat secara keseluruhan dan teliti, bukan sahaja sampel coklat, tetapi juga seluruh rantaian pengeluaran produk syarikat itu merangkumi bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan, peralatan dan lain-lain di kilang itu.

"Ujian awal KKM (Kementerian Kesihatan) adalah berdasarkan persampelan di pasaran sahaja... kami (Jakim) perlu mengikut prosedur ketat iaitu sampel mesti diambil di kilang iaitu bermula daripada ia diproses untuk memastikan adakah DNA porcine (khinzir) itu datang dari kilang atau berlaku pencemaran di luar," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Putrajaya.

Beliau berkata makmal Jabatan Kimia diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten dalam menjalankan analisis makanan selain mendapat akreditasi daripada **Jabatan Standard Malaysia** bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA termasuk pengujian produk makanan diproses.

Beliau berkata makmal KKM pula diakreditasi untuk membuat ujian terhadap produk berasaskan daging serta ikan dan bukan makanan yang telah diproses.

"Ujian penemuan yang dibuat KKM itu juga tidak boleh dibawa ke mahkamah kerana Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia menetapkan bahawa ujian Jabatan Kimia sahaja yang diterima, malah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, hanya keputusan Jabatan Kimia sahaja yang diiktiraf," katanya.

Othman turut menafikan dakwaan orang ramai bahawa Jakim mendiamkan diri dan lambat bertindak dalam isu coklat Cadbury, sedangkan pengesanan hasil analisis KKM mengesahkan terdapat elemen khinzir terdapat dalam dua sampel coklat Cadbury iaitu Coklat Susu dengan Kacang Hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dan Coklat Susu dengan Buah Badam (Cadbury Dairy Milk Roast Almond).

Beliau menjelaskan Jakim tidak dimaklumkan oleh KKM mengenai ujian dan penemuan DNA khinzir yang dibuat pada 27 Feb itu, malah hanya menyedari isu itu setelah ia menjadi viral di dalam laman sosial pada 23 Mei lepas.

"Antara Jakim dan KKM telah ada persetujuan dan penyelarasan iaitu apa sahaja hal yang berkaitan halal, ia perlu dirujuk kepada Jakim tetapi tidak tahu mengapa penemuan ini tidak dilaporkan kepada kami sehingga ia (hasil ujian) bocor di Internet pada 23 Mei," katanya.

Othman berkata Jakim terus bertindak mengadakan mesyuarat tergempar setelah KKM mengesahkan dua produk terbabit mengandungi DNA khinzir, dan menggantung serta-merta sijil pengesahan halal dua produk coklat Cadbury berkenaan pada 24 Mei.

Pemeriksaan berkala kali terakhir oleh Jakim pada 20 Feb lepas mendapati syarikat Cadbury Confectionary Malaysia Sdn Bhd, yang menerima status halal sejak 2004, mematuhi kesemua syarat sijil halal termasuk untuk bahan mentah yang digunakannya, katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)



Hasan Malek Minta Peniaga Henti Penjualan Dua Produk Cadbury Sehingga Rabu

KUALA LUMPUR, 30 Mei -- Semua peniaga perlu menghentikan jualan dua produk coklat Cadbury yang dikatakan mengandungi DNA khinzir (porsin) sehingga analisis Jabatan Kimia terhadap sampel itu diperoleh Rabu ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hasan Malek berkata jika terdapat premis yang masih menjual kedua-dua produk itu, tindakan tegas akan diambil.

"Saya memandang serius perkara ini, dan sekiranya terdapat premis yang mengingkari, mereka boleh di denda mereka di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 maksimum RM1 juta, tidak kira sama ada penjual di peringkat runcit, pengedar atau pengilang," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis perasmian dan makan malam anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) di ibu negara.

Kementerian Kesihatan sebelum ini mengesan porsin dalam Coklat Susu dengan Kacang Hazel dan Coklat Susu dengan Buah Badam bagi kelompok produk NO200813M01H I2 bertarikh luput 13 Nov 2014 dan kelompok 221013N01R I1 bertarikh luput 15 Jan 2015.

Dalam pada itu, Hasan berkata setakat ini, pihaknya memantau 175 premis di seluruh negara dan mendapati peniaga tidak lagi menjual coklat berkenaan.

"Pemeriksaan menunjukkan kesemua premis terbabit termasuk di zon bebas cukai, pasar raya dan lapangan terbang tidak lagi menjual coklat tersebut," katanya.

--BERNAMA